

Pengsan lihat rumah terbakar

Dua rumah terjejas, salah seorang mangsa bakal adakan majlis perkahwinan anak bongsu bulan depan



Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Penduduk (JPPP) Zon 14, Asuma Beevi, turut memberi sokongan.



Dua rumah terjejas dalam kebakaran di Taman Jugra Jaya, kelmarin.

JUGRA - "Makcik sampai-sampai je, memang tak terkata apa sampai pengsan. Mujur, ada jiran-jiran sambut makcik," luah mangsa kebakaran, Yang Zakaria, 58, ketika menceritakan detik cemas melihat rumah yang diidami sejak 34 tahun lalu musnah terbakar, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.40 petang 5 Syawal itu, dua rumah di Taman Jugra Jaya, terjejas.

Menurut Yang, dia dan suaminya,

Mat Zaki Sain, 65, bersama anak mewanti mereka baru sahaja balik dari Hospital Banting merziarahi cucu yang dimasukkan wad.

"Masa di hospital, anak makcik terima panggilan beritahu rumah kami terbakar. Masa tu, nampaklah anak kedua makcik kelam kabut bergegas ke kereta.

"Makcik tak adalah fikir sangat sebab tak nampak depan mata. Tapi bimbang jugalah apa yang terjadi

tu nak juga tahu," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Yang turut sebak menerima kunjungan pelbagai pihak sejak kelmarin, tetapi masih kuat melihat rumahnya yang terbakar di depan mata.

Ujarnya, dia mengambil upah membuat 15 jenis kuih setiap hari dan diantar ke kantin matrikulasi berhampiran untuk dijual.

"Makcik memang dah siap bahan

buat kuih tu. Yelah, Isnin kan budak asrama dah mula belajar semula.

"Jadi, macam biasalah makcik akan mula buat kuih dari petang Ahad tu dan biasanya pakcik pula akan goreng seawal jam 4 pagi," katanya yang kecewa apabila tidak dapat siapkan kuih - muhi untuk dijual di kantin tersebut.

Suaminya, Mat Zaki Sain, 65, yang juga seorang pesara tentera berkata, dia seorang pesakit jantung dan

kebiasaannya memang tinggal di rumah dan tidak akan ikut isteri atau anak - anak keluar.

Tetapi, pada hari kejadian dia tersastra hendak ikut tambahan pula cucu yang sakit mahu dia menziarahinya.

"Kalau pakcik yang tinggal, macam manalah agaknya," katanya.

Dia yang bakal mengadakan majlis perkahwinan anak bongsunya bulan depan akan berbincang semula urusan majlis berkenaan.

Gambar kahwin pelanggan musnah

JUGRA - Bagi Mohd Amin Mat Zaki, 31, yang tinggal bersama ibu bapanya, dia terkejut apabila mendapati gambar perkahwinan milik seorang pelanggannya turut musnah.

Menurutnya, sejurus kejadian dia menghubungi pelanggannya memaklumkan insiden itu dan berjanji akan menggantikan semula gambar berkenaan kerana masih menyimpan salinan asal.

"Mujur pelanggan faham, tapi kalau boleh saya pun tak nak hampakan pelangan.

"Apa pun saya bersyukur sebab masa kejadian tiada siapa di rumah. Isteri dan dua anak kami berumur lapan bulan dan tiga tahun turut ikut ziarah anak kakak saya di hospital.

Seorang jiran, Mahani Muid, 67, berkata, dia antara orang pertama yang menghidu dan melihat asap tebal dari rumah mangsa.

Menurutnya, kebetulan dia sedang beraya di rumah jiran belakang rumah mangsa.

"Masa bau asap tu, mak-



Mat Zaki bersama Mohd Amin membelek barang yang hangus.

cik terus keluar dan jerit panggil budak-budak belia yang sedang berkumpul di depan berhampiran suruh mereka bantu keluarkan barang penting.

"Makcik jugalah yang jerit minta tolong jiran suruh keluar sebab masa tu tak ada orang perasan," katanya yang memaklumkan rumah jiran mangsa juga terjejas.



MOHD AMIN



MAHANI

HEBAHKAN
AKTIVITI KOMUNITI ANDA
emel: mohd.hanafiah@sinarharian.com.my

Punca kebakaran dalam siasatan

JUGRA - Pasukan bomba menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 3.10 petang dan tiba di lokasi 12 minit kemudian.

Pegawai Balai Bomba dan Penyelamat Banting, Mohd Jaslidzad Jalil ketika dihubungi berkata, seramai 11 anggota dikerahkan ke lokasi dan setiba di lokasi apa sedang marak.

"Anggota kami terpaksa menggunakan dua aliran hos nozel daripada sumber air pili bomba berhampiran sehingga kebakaran tersebut dipadamkan sepenuhnya kira-kira jam 4.05 petang.

Bagaimanapun, Mohd Jaslidzad berkata, punca kebakaran dan anggaran kerugian masih dalam siasatan.

Simpati dengan nasib keluarga mangsa terlibat terutama kejadian berlaku ketika Syawal, Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, beliau bakal memohon peruntukan segera daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu sebanyak RM10,000 untuk sebuah keluarga.

"Saya akan usaha mendapatkan pelbagai dana lain bagi meringankan beban keluarga terbabit.

"Dua keluarga yang terlibat ini diharapkan dapat bersabar dan berdoa semoga dipermudahkan segala urusan.

Selain Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pelbagai agensi lain, beberapa wakil rakyat dan pemimpin setempat turut hadir memberi sokongan kepada keluarga mangsa termasuk Ahli Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid dan Timbalan Presiden Persatuan Veteran Tentera Malaysia (PVTM) Datuk Shaharudin Omar.